

<div align="justify">♦23 November 2007</div><div align="justify">♦</div><div align="justify">♦</div><div align="justify">Sebanyak tiga juta daripada 26 juta penduduk di negara ini mengalami gangguan mental, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek. </div><p align="justify">Beliau berkata, kerajaan bimbang dengan masalah tersebut apatah lagi Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2006 mendapati kes gangguan mental meningkat hampir 6 peratus berbanding kajian sama yang dijalankan 10 tahun lalu.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Menurutnya, daripada tiga juta penduduk yang mengalami gangguan mental, sebanyak 20.3 peratus kes didapati membabitkan kanak-kanak dan remaja berusia bawah 16 tahun.</p><p align="justify">♦♦Antara faktor tekanan jiwa di kalangan remaja adalah kerana gagal mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan, tekanan daripada keluarga dan sekolah serta tiada sokongan masyarakat,♦ katanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Kebangsaan 2007 anjuran Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah di sini hari ini.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Soi Lek menjelaskan, terdapat murid sekolah tertekan kerana tidak mendapat semua A dalam peperiksaan dan kemudiannya mereka dihina.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">♦♦Ada yang kata mereka bodoh serta tidak berguna untuk hidup, jadi mereka mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah dengan membunuh diri,♦♦ katanya.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Beliau berkata, daripada jumlah itu juga, sebanyak 11.2 peratus adalah pesakit di kalangan orang dewasa dan 19.5 peratus di kalangan warga emas yang berusia melebihi 70 tahun.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">♦♦Masalah kesihatan mental tidak boleh dipandang ringan kerana ia memberi kesan kepada masyarakat dan negara.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">♦♦Kos perubatan untuk pesakit mental semakin tinggi manakala pesakit pula sering tidak mendapatkan rawatan awal kerana percayakan bomoh,♦ jelasnya.</p><p align="justify"> </p>